

22 MAR 1999

MAHATHIR-MSD

TIADA KEMEROSOTAN DALAM PERMOHONAN UNTUK TARAF MSC, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa tidak terdapat penurunan bagi permohonan untuk taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) sejak kawalan tukaran wang diperkenalkan.

"Tidak, tidak sama sekali, ia sedang meningkat," beliau memberitahu pemberita apabila ditanya sama ada terdapat kemerosotan di dalam permohonan MSC selepas mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa ini adalah kerana perniagaan-perniagaan hari ini tahu dengan tepat apa kos berniaga dengan adanya kawalan tukaran matawang.

Kawalan tukaran matawang selektif diperkenalkan Sept lalu antara lain termasuk menetapkan ringgit pada RM3.80 kepada dolar AS untuk melindungi ringgit terhadap spekulasi melampau dan mengujudkan kestabilan kepada pasaran matawang.

Dengan kadar tukaran matawang turun-naik sebelum kawalan itu dikenakan, "mereka terpaksa melindungi nilai, mereka terpaksa melakukan pelbagai perkara kerana mereka sebenarnya tidak tahun apa kos berniaga di Malaysia."

Kerajaan, dalam membangunkan koridor itu, telah mensasarkan 50 syarikat berkelas dunia ditempatkan di MSC menjelang tahun 2003.

"Sekarang ialah 1999 dan kita telahpun ada 29 syarikat," katanya.

"Jadi, adalah jelas bahawa orang masih tertarik kepada MSC," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata bahawa banyak pertanyaan masih datang untuk permohonan taraf MSC.

MSC adalah sebuah kawasan 750 kilometer persegi terletak daripada Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan pusat dikhaskan bagi pembangunan produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

"Setakat ini kerajaan telah meluluskan 205 syarikat untuk taraf MSC daripada 270 permohonan, jadi minat masih ada di sini, tiada masalah di pihak kita," katanya.

Ditanya sama ada Hong Kong Cyberport dan Singapore One -- pusat-pusat teknologi maklumat juga sedang dibangunkan oleh kedua-dua negara itu -- akan menjadi persaingan kepada MSC, Dr Mahathir berkata:

"Tidak. Apa yang kita ada di sini adalah satu pelan yang sangat komprehensif yang membabitkan seluruh kawasan lengkap dengan satu set undang-undang siber, amalan-amalan baru, kemudahan-kemudahan baru yang direka bentuk untuk menyediakan bagi semua perkembangan baru di dalam teknologi era maklumat."

"Jadi, tiada negara lain boleh menumpukan seluruh (atau) pastinya Singapura

-- tidak boleh mempunyai kawasan 55 kilometer dengan 15 kilometer yang kita ada di sini."

Sementara itu, Dr Mahathir mengumumkan hari ini penubuhan jawatan kuasa pelaksanaan sasaran strategik Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jawatankuasa itu ditubuhkan sebagai jawapan kepada keperluan segera bagi usaha nasional yang komprehensif untuk menubuhkan satu pemikiran teknologi maklumat yang kukuh di negara ini, katanya.

Anggota-anggota jawatankuasa itu termasuk pengerusi dan pengerusi

bersama kumpulan kerja yang melihat lima bidang sasaran, iaitu; e-ekonomi, e-perkhidmatna awam, e-komuniti, e-pendirikan dan e-kedaulatan dan keselamatan.

Pengerusi kumpulan kerja e-ekonomi ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Peranan kumpulan kerja itu adalah untuk mempermudah dan menggalakkan aktiviti-aktiviti e-dagang dan e-niaga yang menyokong pembangunan ekonomi pengetahuan.

-- BERNAMA

NLY/MNY MR OS